

16/09/2001

Angkara pengganas

Azran Jaffar; Hafizah Iszahanid

ADA yang menyifatkan ia amat mirip tragedi Pearl Harbor kira-kira 60 tahun lalu. Ada pula yang menyamakannya dengan peristiwa hitam serangan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun.

Walau apapun gelaran dan senario yang diberikan, serangan oleh 'tangan ghaib' ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon di Washington DC, Selasa lalu, dianggap lebih besar kemusnahannya serta amat pedih untuk ditanggung oleh negara kuasa besar dunia itu.

Apa tidaknya, ia bukan sekadar memusnahkan bangunan pencakar langit dan menyebabkan ribuan jiwa terkorban, trauma keluarga mangsa, malah lebih gawat ia melumpuhkan aktiviti ekonomi, perdagangan, pasaran saham dan pengangkutan udara di sebahagian benua Amerika dan dunia amnya.

Imej Amerika di mata dunia turut tercalar dan menjadi bahan sindiran kerana selama ini negara itu amat gah sebagai negara polis dunia dan antara kuasa pertahanan terhebat.

Malangnya, kali ini, Pentagon, ibu pejabat pertahanannya, pula diratah hanya dengan kapal terbang komersial yang melayang rendah di waktu remang mentari terbit.

Persoalannya, apakah kini kapal terbang komersial bertukar menjadi roket atau peluru berpandu yang lebih hebat kuasa pemusnahnya?

Dan, di mana pula kecanggihan teknologi pertahanan Amerika yang dikatakan serba lengkap dengan radar pengesan dan pesawat tempur yang membentengi segenap pelosok negara itu daripada serangan luar?

Serangan yang disifatkan sebagai berani mati pada pagi 11 September itu tentunya menjadi mimpi ngeri kepada rakyat dan pemerintah negara itu.

Bayangkan, di waktu masyarakat New York sedang bersiap untuk memulakan kegiatan harian, terpampang di mata kepala mereka menyaksikan bagaimana sebahagian menara berkembar WTC runtuh menyembah bumi.

Pentagon turut menjadi kelam-kabut apabila sebuah daripada lima strukturnya runtuh.

Meneliti reaksi Presiden George W Bush yang berkata: "Keganasan terhadap negara kita tidak boleh diterima", ia pastinya membawa pelbagai kemungkinan. Adakah Amerika akan berdiam diri? Jika ya, bila dan bagaimana?

Sama ada boleh diterima atau tidak, hakikatnya serangan di WTC sebenarnya bukanlah yang pertama kali berlaku di New York.

Sejak 1920, kota New York menyaksikan sekurang-kurangnya lima kejadian serangan. Malah, WTC sendiri pernah digegarkan dengan kejadian letupan bom pada 26 Februari 1993, menyebabkan enam orang maut.

Sama ada kebetulan atau memang dirancang, kejadian yang disifatkan oleh seorang senator Amerika Syarikat, Chuck Hagel, sebagai Pearl Harbor kedua ada kebenarannya berdasarkan kepada penilaian adanya pola yang hampir sama apabila kedua-duanya berlaku pada waktu pagi.

Begitu jugalah dengan serangan ke atas bandar Hiroshima di Jepun yang dilakukan Amerika Syarikat sewaktu Perang Dunia kedua, juga berlaku pada waktu sebegitu.

Reaksi paling tidak terkenal negara itu ialah apabila mereka mengaitkan serangan itu sebagai rancangan jahat kumpulan pengganas Islam.

Malah, ketakutan Amerika terhadap ancaman militan atau pengganas Islam ini nyata sekali.

Buktinya, dalam satu laporan Jabatan Awam Amerika Syarikat pada 1996 saja, Amerika Syarikat memperuntukkan AS\$1.097 bilion (kira-kira RM3.8

bilion) untuk biaya kos menghalang serangan pengganas.

Daripada jumlah itu, AS\$26.6 juta (RM101 juta) diperuntukkan bagi meningkat dan memperkemaskan sistem pertahanan serta keselamatan udara manakala AS\$91.7 juta (RM348.4 juta) lagi adalah untuk melatih kakitangan.

Amerika Syarikat masih menamakan Cuba, Iran, Iraq, Sudan dan Korea Utara antara negara yang menjadi penaja keganasan. Namun, kejadian terbaru ini masih belum dipastikan siapa yang melakukannya.

Jabatan yang sama turut melaporkan kegiatan pengganas antarabangsa pada tahun 2000 meningkat sebanyak lapan peratus berbanding 1999 dengan jumlah kejadian yang dicatatkan ialah 423 berbanding 392.

Daripada jumlah itu, 152 kejadian berlaku di Amerika Latin berbanding 121 pada 1999. Di Eropah Barat, sebanyak 85 kejadian dicatatkan pada 2000 berbanding hanya 30 pada 1999.

Angka kematian akibat serangan itu adalah 405, manakala 791 orang mengalami kecederaan. Jumlah itu menunjukkan satu peningkatan berbanding hanya 233 kematian dan 706 kecederaan pada 1999.

Walau apapun motif sebenar kejadian ini, yang pasti serangan demi serangan yang berlaku memperlihatkan satu pola yang serupa, iaitu ia berupa tindak balas yang berterusan daripada pihak yang menyerang atau yang pernah diserang.

Seperti yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Yang saya khuatir juga ialah akan ada balas-membalas oleh kerana serangan ini, tentulah Amerika akan membalas.

"Tindak balas ini akan menyebabkan ramai terkorban dan dengan ini juga akan disusuli dengan lain-lain jenis serangan."

Pola ini juga dapat diperhatikan dalam beberapa kejadian serangan yang berlaku di seluruh dunia sejak beberapa dekad lalu.

* Ogos 1982 - 'Pengganas' Palestin, Mohd Rashid, didakwa meletakkan bom di dalam pesawat Pan Amerika yang menyebabkannya meletup sewaktu hampir mendarat di Honolulu, Hawaii yang membunuh seorang penumpang dan mencederakan yang lain. Rashid ditahan di Greece pada 19 Mei 1988 dan diadili sebelum dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Greece.

* 20 Julai 1982 - 11 orang terbunuh dalam serangan di Regency Park dan Hyde Park London apabila bom yang ditanam IRA meletup. Serangan itu dilihat sebagai usaha Tentera Pembebasan Ireland (IRA) mendesak United Kingdom keluar dari Ireland Utara bagi membolehkan mereka bergabung dengan Republik Ireland.

* 12 Oktober 1984 - IRA menyerang Hotel Grand di Brighton sewaktu persidangan Parti Konservatif diadakan bertujuan membunuh Perdana Menteri, Margeret Thatcher. Bagaimanapun beliau terselamat tetapi empat orang terbunuh.

* 24 Mac 1986 - Tentera Laut Amerika Syarikat melintas 'garisan maut' di Teluk Sidra dan menyerang kapal petrol Libya. Empat kapal tenggelam dan rosak.

* 7 Januari 1987 - Lapangan terbang milik Libya di utara Chad dibom oleh Perancis.

* 21 Disember 1988 - Pesawat Pam Am 103 yang sedang dalam penerbangan dari London ke New York musnah menyebabkan 259 penumpang terbunuh apabila sebutir bom meletup ketika pesawat berkenaan berada di ruang udara Lockerbie, Scotland. Amerika Syarikat mendakwa pengganas Libya dan pemerintah Libya, Muammar Gaddafi, menaja keganasan itu.

* 7 Februari 1991 - Tiga mortar meletup di No 10, Downing Street ketika John Major menerajui Britain. Sewaktu kejadian, sesi mesyuarat mingguan sedang berlangsung. Mortar yang diletakkan di dalam van yang berada di luar bangunan itu bagaimanapun hanya menyebabkan kerosakan minimum. Tiga orang terbunuh akibat terkena serpihan kaca. IRA dilaporkan bertanggungjawab terhadap kejadian itu.

* 16 Februari 1992 - Setiausaha Kehormat Hizbullah, Abbas Musani, terbunuh dalam serangan helikopter Israel berdekatan sebuah kampung di Jibsheet di Selatan Lubnan.

* 17 Januari 1993 - Amerika melancarkan serangan peluru berpandu di tenggara Baghdad sebagai tindak balas terhadap Iraq yang enggan membenarkan pemeriksa senjata PBB memasuki Iraq menerusi zon larangan terbang.

* 20 Mac 1995 - Aum Shira Kyo melepaskan gas sarin beracun dalam sistem kereta api bawah tanah Tokyo yang menyebabkan 12 orang mati manakala 5,000 lagi dimasukkan ke hospital.

* 19 April 1995 - Letupan berlaku di Bangunan Persekutuan Alfred P Murrah di bandar raya Oklahoma yang membunuh 168 orang manakala beratus lagi cedera.

* 7 Ogos 1998 - Siri pengeboman berlaku di Kedutaan Amerika Syarikat di Nairobi, Kenya dan Dar Es Salaam, Tanzania. Di Nairobi, 291 orang terbunuh dan lebih 500 cedera manakala di Dar Es Salaam, 10 mati dan 77 parah. Amerika Syarikat mengaitkannya dengan kegiatan Osama bin Laden.

Semua kejadian berkenaan adalah sebahagian kecil daripada serangan yang berlaku dan boleh disifatkan sebagai perang kecil yang sentiasa meletus kesan daripada keghairahan sesebuah negara atau kumpulan untuk menguasai sebuah negara lain.

Apa yang pasti, senarai ini akan menjadi semakin panjang sekiranya tiada rundingan damai dilakukan atau kata sepakat dicapai di antara masyarakat dunia.

(END)